

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG

TARIKH : 19 DISEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 66

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan inovasi dalam industri pengangkutan bagi menggalakkan lagi penggunaan pengangkutan awam di negara ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha untuk menggalakkan lagi penggunaan pengangkutan awam di negara ini, Kerajaan melaksanakan inovasi antaranya dengan pelaksanaan program pas 30 hari tanpa had bernilai RM100 untuk penggunaan perkhidmatan bas dan rel berintegrasi bagi perkhidmatan kendalian Rapid Rail dan Rapid Bus Sdn. Bhd. merangkumi LRT, MRT, Monorel Kuala Lumpur dan perkhidmatan bas berbayar RapidKL di Lembah Klang, serta pas 30 hari tanpa had RM50 bagi perkhidmatan bas RapidKL sahaja.
2. Penggunaan pas-pas ini akan bermula pada 1 Januari 2019 dan dihadkan bagi warganegara Malaysia sahaja. Pengguna boleh mula melanggan pas tanpa had perjalanan selama 30 hari berharga RM100 atau RM50 ini menerusi kad MyKad dan MyTentera dengan fungsi Touch 'n Go selepas pelancarannya pada 1 Disember 2018. Manakala, bagi pemegang MyKid yang berumur 7 hingga 12 tahun pula boleh membuat langganan bermula pada 15 Disember 2018 melalui kad konsesi. Dengan adanya bantuan yang disediakan oleh Kerajaan ini, pengguna mampu menggunakan pengangkutan awam pada kadar yang berpatutan dan menggalakkan rakyat memilih pengangkutan awam sebagai mod pilihan rakyat.
3. Inovasi berikutnya adalah e-hailing dalam perkhidmatan pengangkutan awam. E-hailing membolehkan pengguna menempah perkhidmatan pengangkutan awam seperti teksi dan kenderaan e-hailing melalui aplikasi elektronik. Ini dapat membantu pengguna untuk merancang perjalanan dengan lebih baik dan selamat menerusi kemudahan mengambil di lokasi pilihan pemandu, harga tambang anggaran dan fungsi SOS/ kecemasan sekiranya berlaku perkara-perkara tidak diingini.
4. Inovasi seterusnya adalah inisiatif Bas Rapid Transit (BRT) bertujuan untuk meningkatkan lagi kesalinghubungan perkhidmatan bas sedia ada di samping mempercepatkan perjalanan bas untuk penumpang. BRT Malaysia yang pertama telah dilancarkan pada

Jun 2015. BRT Laluan Sunway sepanjang 5.4 km ini melalui tempat-tempat strategik di kawasan pinggir bandar Sunway dan Subang Jaya dan memberikan perkhidmatan kepada kira-kira 500 ribu penduduk. BRT dilengkapi dengan ciri-ciri kemudahan seperti sistem transit aliran ringan dengan penggunaan lorong khusus, bas mesra alam sekitar serta infrastruktur yang mesra pelanggan, menyediakan perkhidmatan di tujuh stesen dan satu kemudahan 'Park & Ride'.

5. Stesen terminal BRT Sunway juga merupakan stesen pertukaran yang menghubungkan perkhidmatan ini kepada KTM Komuter dan aliran LRT Kelana Jaya. Tidak seperti perkhidmatan bas berhenti-henti yang perlu bersaing dengan lalu lintas biasa, kekerapan BRT boleh diramalkan dan penumpang boleh menjangkakan sebuah bas setiap empat minit pada waktu puncak dan setiap lapan minit pada waktu luar puncak.
6. Pada 1 Disember 2018, Kerajaan telah mengumumkan kadar tambang untuk perkhidmatan Bas Rapid Transit (BRT) laluan Sunway diturunkan sebanyak 20 peratus. Insentif pengurangan tambang itu diharap dapat memberi impak positif kepada jumlah pengguna perkhidmatan BRT di samping menjadi galakan kepada penumpang untuk terus menggunakan perkhidmatan tersebut. Diskaun 20 peratus ini diberikan kepada penumpang yang membayar tunai menggunakan token perjalanan dan bayaran tanpa tunai kerana purata pengguna kedua-dua mod pembayaran ini adalah tinggi iaitu sebanyak 75% berdasarkan kepada statistik bulan Oktober 2018.

Sekian, terima kasih.